

Kajian laluan dua dan tiga MRT siap tahun depan

KUALA LUMPUR – Kajian kemungkinan bagi laluan dua dan tiga bagi projek Transit Aliran Massa (MRT) Lembah Klang dijangka siap menjelang tahun depan.

Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar berkata, laluan-laluan tersebut dijadualkan siap menjelang tahun 2020 dan ia akan menyediakan rangkaian hubungan dalam kawasan Kuala Lumpur.

“Menjelang 2020, bahagian pengangkutan awam akan dipertingkatkan kepada 50 peratus dan pengangkutan lain seperti bas, teksi dan yang lain-lain pula sebanyak 50 peratus,” katanya.

Beliau berkata demikian pada taklimat media mengenai Pameran dan Persidangan Rel Asia 2013 yang dianjurkan bersama tahun depan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di sini semalam.

MRT Corp mengumumkan pro-

jek prasarana terbesar negara bagi laluan Transit Aliran Massa Sungai Buloh-Kajang sedang berjalan mengikut jadual dan projek itu telah beralih daripada kerja-kerja persediaan kepada fasa pembinaan aktif.

Tarikh akhir bagi operasi fasa satu Laluan 1 Sungai Buloh-Kajang yang bermula dari Sungai Buloh ke Semantan ialah pada Disember 2016.

Fasa kedua dari Semantan ke Kajang pula akan beroperasi pada Julai 2017.

Sementara itu, Pengarah (Pemegang Kepentingan/Tanah) Mass Rapid Transit Corp. Sdn. Bhd. (MRT Corp), Haris Fadzilah Hassan menerangkan, sehingga kini, pakej bernilai kira-kira RM16 bilion telah diberikan bagi projek transit aliran massa itu.

“Jumlah kos keseluruhan projek akan ditentukan pada akhir tahun,” katanya.



SYED HAMID (tiga dari kiri) pada majlis pelancaran Pameran dan Persidangan Rel Asia 2013 di Kuala Lumpur semalam.